

Konsep Sains Tauhidik: Kajian Terhadap Peserta Kursus Sains dalam Islam di IPG Pendidikan Islam Bangi Selangor

Khairi Jalalluddin (Corresponding author)
Institut Pendidikan Guru Kampus Pendidikan Islam
Beg Berkunci No. 124, Pusat Mel Bandar Baru Bangi
43657 Bandar Baru Bangi, Selangor
Tel: 0135453378 E-Mail: p107659@siswa.ukm.deu.my

Roziyah Sidek @ Mat Sidek
Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
E-Mail: roziyah@ukm.edu.my

Faizal Mohamed
Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
E-Mail: faizalm@ukm.edu.my

Norshariani Abdul Rahman
Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor
E-Mail norshariani@ukm.edu.my

Abstrak

Gagasan pengislaman ilmu khususnya ilmu sains telah muncul sekitar tahun 1970-an oleh tokoh sarjana Islam dalam dan luar negara. Namun gagasan ini berlegar di institut pengajian tinggi dan belum dibumikan secara tuntas diperingkat akar umbi seperti sekolah kebangsaan. Sungguhpun demikian, terdapat pelbagai usaha pengislaman ilmu telah dijalankan, antaranya ialah pendidikan sains tauhidik yang merupakan cetusan idea Khalijah Mohd Salleh di Fakulti Sains dan Teknologi di UKM. Sungguhpun konsep ini masih bersifat teoritikal dan bertujuan asalnya untuk mengislamisasi sains tabii, namun ia amat sesuai untuk diperluaskan serta diaplikasikan dalam bidang sains sosial. Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengetahuan dan sikap peserta kajian yang mengambil kursus Sains dalam Islam (SDIK 3013) di IPG KPI terhadap konsep sains tauhidik. Kursus ini telah disertai oleh 25 orang peserta kajian yang terdiri daripada bidang pendidikan Islam, pengajian bahasa Melayu dan TESL. Kajian ini juga menggunakan pendekatan campuran (*mix-method*) dengan menjadikan set soal selidik dan protokol temu bual sebagai instrumen utama bagi mendapatkan data. Selain itu, analisis dokumen digunakan untuk mengkaji tugasan penulisan peserta kajian berkaitan tajuk kajian. Dapatan kajian menunjukkan majoriti peserta kajian ini mempunyai pengetahuan yang terhad terhadap konsep sains tauhidik, namun bersikap positif terhadapnya. Kajian ini juga dapat menambahkan pengetahuan tentang kepentingan pelaksanaannya dalam bidang pendidikan khususnya di sekolah-sekolah di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Kata kunci: Pengislaman, Ilmu, Pendidikan, Sains, Tauhidik

Pendahuluan

Gagasan pengislaman ilmu sains telah muncul sekitar tahun 1970-an oleh tokoh sarjana Islam dalam dan luar negara. Antara tokoh yang terkenal ialah Sayyed Hossein Nasr (1933-sekarang), Syed Muhammad Naquib al-Attas (1931-sekarang), Ziauddin Sardar (1951-sekarang) dan Ismail al-Faruqi (1921-1986). Kesemua mereka mempunyai peranan yang besar dalam merealisasikan pengislaman ilmu (Maisarah 2012). Namun, gagasan ini berlegar di institut pengajian tinggi dan perbahasannya juga menggunakan laras bahasa yang tinggi. Justeru, gagasan ini belum dibumikan secara tuntas di peringkat akar umbi khususnya di sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Sungguhpun demikian, terdapat pelbagai usaha pengislaman ilmu telah dijalankan oleh tokoh-tokoh tanah air seperti Khalijah Mohd Salleh, Azizan Baharuddin, Mat Rofa Ismail, Mohd Yusof Othman, Faszly Rahim, Faizal Mohamed, Roziah Sidek dan sebagainya. Kajian ini telah memilih tokoh yang bernama Khalijah Mohd Salleh (1947-2011) iaitu seorang bekas profesor di Fakulti Sains dan Teknologi di UKM. Beliau telah mencetus idea pengislaman ilmu sains melalui konsep Sains Tauhidik (Nur Asyikin Hamdan et al. 2017). Walaupun, konsep ini masih bersifat teoritikal (Zainun et al. 2015), dan tujuan asalnya untuk mengislamisasi sains tabii mengikut paradima tauhid (Khalijah 1996), namun ia amat sesuai untuk diperluaskan serta diaplikasikan dalam bidang sains sosial seperti pendidikan Islam (Ahmad Yunus & Asmiliya 2021).

Sorotan Kajian

Di antara kajian-kajian terkini berkaitan dengan konsep Sains Tauhidik secara langsung seperti Ahmad Yunus & Asmiliya (2021), Zainun & Nooraida (2020), Norshariani et al. (2020), Zainun et al. (2019), Mohd Yusof (2018) Mohammad Hafiz et al. (2018) dan Zainun et al. (2015). Secara keseluruhan artikel-artikel tersebut membicarakan tentang konsep Sains Tauhidik, falsafahnya, modelnya, modulnya serta aplikasinya dalam bidang pendidikan.


Sebelum perbincangan kajian ini dilanjutkan, sedikit pengenalan berkaitan istilah Sains Tauhidik. Sains Tauhidik ialah sains yang berkonsepkan ketuhanan dan merupakan salah satu pendekatan untuk mengislamisasikan ilmu pengetahuan khususnya sains. Istilah ini terdiri daripada dua perkataan 'Sains' dan 'Tauhid' yang setiap satu mempunyai makna yang luas perbahasannya (Mohd Yusof 2014, Wan Mohd Aimran 2012).

Perkataan 'Tauhid' pula ditambah dengan 'ik' dan menjadikannya ianya perkataan 'Tauhidik'. Menurut Mohd Yusof (2014) perkataan Tauhidik ini merujuk kepada kata sifat sebagaimana perkataan saintifik yang ditambahkan dengan 'ik' pada perkataan sains. Penggunaan perkataan sebegini juga digunakan dalam tafsir saintifik (*Tafsir Ilmiy*) seperti nama judul buku Tafsir

Saintifik al-Quran oleh Muhammad Widus (2019). Oleh itu, istilah Sains Tauhidik tidak menjadi isu dari sudut istilah bahasa.

Satu persoalan, apakah perbezaan sains tauhidik dengan sains Islam?. Dalam hal ini, penulis berpendapat tiada perbezaan ketara antara kedua istilah ini sebagaimana pandangan Mohd Yusof (2014), namun istilah sains tauhidik lebih memfokuskan unsur, entiti atau elemen ketuhanan yang Esa iaitu Allah swt. Elemen ini merupakan asas kepada ajaran Islam keseluruhannya sehingga ilmuan Islam meletakkannya ilmu berkaitan akidah di tempat yang paling tinggi berbanding ilmu fiqh. Akidah atau tauhid boleh diibaratkan sebagai akar tunjang dalam sephohon pokok. Manakala fiqh pula sebagai batang pokok dan buah-buahannya pula adalah gambaran akhlak bagi seseorang muslim. Selain itu, isu utama dalam sains moden ialah elemen ketuhanan tersebut telah dibuang dan dikesampingkan dalam aktiviti penyelidikan dan kajian sains khususnya para saintis yang berfikiran saintisme (Mohd Yusof 2014b). Justeru, kajian ini mengutamakan akidah ketuhanan dan ketauhidan dalam membicarakan proses islamisasi ilmu melalui konsep sains tauhidik.

Secara ringkasnya sains tauhidik boleh membawa maksud usaha untuk memberi, mengisi, menerap dan mencirikan sifat ketauhidan kepada ilmu sains yang telah disekularkan oleh Barat. Menurut Khalijah, paradigma Tauhidik (a) bertentangan dengan paradigma Sekular (b) tersebut yang tidak melibatkan entiti Tuhan iaitu Allah swt dalam interaksinya sebagaimana rajah 1.1 di bawah ini.



Rajah 1.1 Entiti Asas dalam a) Paradigma Tauhid, b) Paradigma Sekular

Sumber: Mohammad Hafizuddin (2014)

Pengkaji melihat paradigma Sekular yang dibawa oleh penjajah Barat inilah yang menyebabkan pemikiran dualisme dalam sistem pendidikan di negara kita. Ia antara penyebab guru-guru tidak dapat menghubungkan sains dan Islam sama ada dalam kalangan guru pendidikan Islam atau guru sains sendiri yang beragama Islam. Mohd Yusof (2020) menyatakan fahaman dualisme ini wujud sehingga kini dalam sistem pendidikan kita kerana guru agama tidak memahami kepentingan sains dalam kehidupan seharian umat dan dalam masa yang sama guru sains juga tidak memahami asas tuntutan dalam agama. Walau bagaimana pun, kajian ini akan memfokuskan kepada guru agama atau pendidikan Islam kerana tanggungjawab orang yang berpengetahuan agama lebih utama daripada mereka yang bukan berlatar belakang agama.

Permasalahan Kajian

Kajian ini dilakukan rentetan daripada sebuah laporan IKIM, UIA & KPM yang menyatakan guru pendidikan Islam sukar mengaitkan sains dengan akidah (Rosnani et al. 2018). Justeru, pengkaji telah membuat kajian melalui pencerapan guru pelatih yang sedang berpraktikum di sebuah sekolah kebangsaan di Putrajaya bermula daripada 2 Februari sehingga 5 Mei 2023 untuk melihat situasi sebenar pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam dalam bilik darjah. Antara perkara yang dijumpai dalam pencerapan oleh penulis, guru pelatih tidak dapat mengaitkan dengan sempurna dan jelas sains dengan pendidikan Islam bagi membezakan ciptaan Allah swt dengan ciptaan manusia. Hal ini kerana, keterbatasan ilmu pengetahuan yang ada pada mereka berkaitan hubungan sains dan Islam atau Sains Tauhidik.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk meneroka pengetahuan dan sikap peserta kursus yang mengambil kursus Sains dalam Islam (SDIK 3013) terhadap konsep Sains Tauhidik. Kursus ini merupakan kursus elektif terbuka di IPG KPI. Peserta kursus juga sudah berada di tahun empat dan mereka akan menjalani praktikum fasa dua di sekolah kebangsaan pada bulan Januari tahun 2024 akan datang. Justeru, kajian ini dilakukan supaya pengkaji dapat melihat proses penyepaduan pendidikan Islam dan sains akan berlaku pada masa akan datang.

Soalan Kajian

1. (SK1)Apakah pengetahuan peserta kajian yang mengambil kursus Sains dalam Islam (SDIK 3013) terhadap konsep Sains Tauhidik?
2. (SK2) Bagaimanakah sikap peserta kajian yang mengambil kursus Sains dalam Islam (SDIK 3013) terhadap konsep Sains Tauhidik?

Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan campuran (*mix-method*) dengan menjadikan set soal selidik dan protokol temu bual sebagai instrumen utama bagi mendapatkan data. Selain itu, analisis dokumen digunakan bagi menyokong data di atas. Dokumen yang dimaksudkan ialah tugas penulisan peserta kajian yang merupakan kerja kursus yang wajib diselesaikan.

Dalam kajian ini, instrumen soal-selidik dengan skala 5 likert telah digunakan bagi melihat jumlah peratusan dalam konstruk pengetahuan dan konstruk sikap peserta kajian. Bagi dapatan data melalui protokol temu bual dan tugas penulisan peserta kajian, analisis dijalankan untuk mengenal pasti tema-tema berkaitan tajuk kajian dalam kedua-dua instrumen tersebut.

Kajian ini juga dimulakan dengan meminta bantuan daripada pakar bidang pendidikan Islam dan bidang bahasa Melayu untuk menyemak kesesuaian bahasa dan tahap kedalaman soalan dalam instrumen soal-selidik. Kemudian instrumen soal-selidik ini diberi kepada peserta kajian melalui platform *google form*. Setelah itu, dapatan daripada soal-selidik ini digunakan pula untuk temu bual secara mendalam dengan menanyakan soalan seperti ‘Bagaimana? dan Kenapa?’. Pada asalnya 6 orang telah dipilih dan diberikan soalan temu bual secara bertulis. Kesemua mereka ini dipilih kerana telah mendapat markah 90% ke atas dalam kursus ini, namun hanya 3 orang yang menjawab soalan temu bual tersebut. Analisis dokumen pula melibatkan 25 buah tugas penulisan yang ditulis sebanyak 1,200 perkataan setiap seorang.

Dapatan Kajian

Pertama: Demografi Peserta Kajian

Peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini ialah 10 orang peserta lelaki dan 15 orang peserta perempuan sebagaimana jadual 1.1. Manakala dari segi pengkhususan peserta dari bidang pengajian Islam lebih ramai iaitu 11 orang, manakala bidang Bahasa Melayu dan TESL masing-masing 7 orang. Lihat jadual 1.2 di bawah ini.

Jadual 1.1: Jumlah Peserta Berdasarkan Jantina

Bil	Peserta	Jumlah	Peratusan
1.	Lelaki	10	40%
2.	Perempuan	15	60%


Jadual 1.2: Jumlah Peserta Berdasarkan Pengkhususan

Bil	Peserta	Jumlah	Peratusan
1.	Pendidikan Islam	11	44%
2.	Bahasa Melayu	7	28%
3.	TESL	7	28%

Kedua: Dapatan Kajian Ini Bagi Menjawab SK1

Dapatan kajian secara keseluruhannya menunjukkan peserta kajian kurang berpengetahuan berkaitan dengan pengislaman ilmu sebelum didedahkan dalam kursus Sains dalam Islam sebagaimana rajah 1.1 di bawah ini.

B03: Apakah saudara/saudari tahu tentang usaha pengislaman ilmu sebelum mengikuti kursus Sains Dalam Islam (SDIK3013)?
25 responses



Rajah 1.1: Pengetahuan Berkaitan Pengislaman Ilmu

Seramai 5 orang memilih jawapan sangat tidak tahu, 7 orang memilih tidak tahu dan 3 orang memilih tidak pasti. Jumlah keseluruhannya 15 orang sangat tidak tahu/tidak tahu/pasti usaha islamisasi ilmu ini. Ini menunjukkan majoriti peserta kajian tidak mengetahui adanya usaha islamisasi ilmu iaitu sebanyak 60% daripada keseluruhan peserta kajian. Hal ini juga mengisyaratkan wacana sains Islam sebelum ini yang bermula sekitar 70-an tidak berkesinambungan dan boleh dikatakan ada masa pasang surut sehingga ke saat ini. Walau bagaimanapun 9 orang peserta telah memilih jawapan tahu/sangat tahu berkaitan usaha islamisasi ilmu ini. Itu pun setelah didedahkan dalam kursus Sains Dalam Islam ini.

Dapatan daripada temu bual secara bertulis juga menyokong dapatan data soal-selidik dalam ini graf bar di atas. Dapatan daripada PK1 dan PK2 adalah seperti berikut:

PK1: *“Sebelum mengikuti kursus Sains Dalam Islam saya tidak mengetahui mana-mana usaha berkenaan dengan pengislaman ilmu”*.

Dan PK2: *“ Saya tidak tahu tentang usaha-usaha pengislaman ilmu sebelum mengikuti kursus Sains dalam Islam (SDIK3013)”*.


Manakala PK3 manambah: *“Tahu tetapi secara umum sahaja melalui pembacaan ringkas di media sosial”*.

Dapatan temu bual ini menunjukkan dua orang tidak mengetahui usaha islamisasi ilmu ini kecuali selepas mengikuti kursus Sains dalam Islam di IPG KPI. Manakala seorang lagi mengetahuinya secara umum melalui melalui media sosial.

Dapatan seterusnya daripada soal-selidik menunjukkan terdapat peserta kajian yang menjawab dengan ‘tidak pasti’ terhadap konsep Sains Tauhidik iaitu seramai 4 orang. Namun, majoriti menjawab ‘tahu/sangat tahu’ terhadap konsep ini iaitu seramai 21 orang peserta sebagaimana rajah 1.2 di bawah ini.

B07: Apakah saudara/saudari tahu tentang pengenalan dan konsep Sains Tauhidik?

25 responses



Rajah 1.2: Konsep Sains Tauhidik

Majoriti yang mengenali konsep sains tauhidik ini selepas didedahkan konsep tersebut dalam kursus Sains dalam Islam. Hal ini disokong dengan dapatan data temu bual sebagaimana perbincangan seterusnya.

Berdasarkan dapatan temu bual, PK2 dan PK3 mempunyai jawapan yang serupa iaitu “*saya tidak pasti*” dan “*tidak pasti*”. Tetapi PK1 menyatakan: ‘*Melalui bacaan jurnal dan penerangan pensyarah*’. Justeru, data ini menunjukkan pengetahuan berkaitan dengan Sains Tauhidik adalah terhad dan terbatas.

Dapatan daripada analisis dokumen pula melihatkan peserta kajian mengetahui usaha-usaha pengislaman ilmu, namun setelah mengikuti kursus Sains dalam Islam selama beberapa minggu. Antara usaha-usaha yang diutarakan dalam penulisan mereka ialah;


1. Penganjuran seminar dan kursus Islamisasi seperti Seminar Antarabangsa Islam dan Sains (SAIS)
2. Penubuhan Institut Penyelidikan seperti ASASI, ISTAC, IIH dan ISI
3. Model dan Modul Islamisasiseperti Program Ulul Al-Bab di MRSM dan SMA
4. Penerbitan buku, artikel dan sebagainya seperti Philosophy of Science oleh al-Attas (1997),

Ketiga: Dapatan Kajian Ini Bagi Menjawab SK2

Dapatan kajian secara keseluruhan menunjukkan peserta kajian bersikap positif terhadap pengislaman ilmu khususnya melalui konsep Sains Tauhidik. Rajah 1.3 di bawah ini memaparkan seramai 24 orang ‘setuju/sangat setuju’ dengan pernyataan ini. Manakala seorang telah memilih ‘tidak pasti’.

C01: Apakah saudara/saudari setuju untuk mendalami berkaitan dengan pengislaman ilmu melalui konsep Sains Tauhidik?

25 responses




Rajah 1.3 : Sikap Peserta Terhadap Pengislaman Ilmu Melalui Konsep Sains Tauhidik

Begitu juga, dapatan seterusnya dalam kesemua peserta kajian dari bidang pendidikan Islam, Bahasa Melayu dan TESL ‘setuju/sangat setuju’ untuk menghubungkan agama dengan subjek-subjek yang mereka akan ajar nanti di sekolah sebagaimana rajah 1.4.

C02: Apakah saudara/saudari setuju untuk menghubungkan agama dengan subjek-subjek lain di sekolah nanti?

25 responses




Rajah 1.4: Sikap Peserta Dalam Menghubungkan Islam dengan Subjek Lain

Rajah 1.5 seperti di bawah ini pula menunjukkan majoriti peserta kajian ‘setuju/sangat setuju’ iaitu sebanyak 98% dengan pengislaman ilmu di peringkat sekolah rendah atau sekolah

kebangsaan. Kesemua peserta kajian ini yang mengikuti program PISMP di IPG KPI ini akan diserap masuk untuk bertugas di sekolah tersebut. Justeru, dapatan ini mendedahkan sikap yang positif dan keazaman yang tinggi terhadap usaha pengislaman ilmu khususnya melalui konsep Sains Tauhidik.

C15: Apakah saudara/saudari setuju terdapat peluang dan ruang untuk mengislamisasikan ilmu sains di sekolah khususnya sekolah rendah?

25 responses



Rajah: 1.5 : Sikap Positif Para Peserta Kajian Terhadap Peluang di Sekolah

Rumusan dan Kesimpulan Kajian

Kajian yang telah dijalankan ini menemukan keterbatasan pengetahuan peserta kajian berkaitan dengan konsep Sains Tauhidik. Mereka juga hanya mengenali pelopor dan penggerak Sains Tauhidik selepas mengikuti kursus Sains dalam Islam (SDIK3013) di IPG KPI. Sungguhpun demikian, peserta kajian telah menunjukkan sikap yang positif dan berhasrat untuk bersama-sama membantu proses pengislaman ilmu melalui konsep Sains Tauhidik apabila menjalani praktikum di sekolah pada masa akan datang.

Cadangan Kajian Lanjutan

Berdasarkan kajian ini, dicadangkan juga supaya kajian dijalankan ke atas guru-guru yang berpengalaman dan sedang berkhidmat di sekolah sekurang-kurangnya 5 tahun dalam perkhidmatan. Hal ini untuk melihat proses pelaksanaan pengislaman ilmu melalui konsep Sains Tauhidik berlaku. Kajian dicadangkan bermula dengan guru pendidikan Islam dan guru sains di sekolah kebangsaan.

Rujukan

Ahmad Yunus Mohd Noor & Asmilyia Mohd Mokhtar.(2021).Sains Tauhidik:Kolaborasi Ilmu antara Al-Qur'an dan Sains Moden. *Akademia 91 (2) :167-176*

- Khalijah Mohd Salleh.(1996).Paradigma Sains Moden dan Pembangunan Sumber Manusia. Syarahan Perdana, Bangi: UKM.
- Maisarah Hasbullah.(2012). Respon Pemikir Islam Terhadap Modeniti. Wacana Sains Islam Sebagai Kajian Kes Di Malaysia. Tesis PhD. Fakulti Sains Universiti Malaya.
- Mohammad Hafiz Mad Rashid, Maslinda Wahab, Kamarul Azmi Jasmi.(2018).Sains Tauhidik dalam Pembangunan Peradaban Melayu. Prosiding Seminar Tamadun Islam di Bilik Kuliah 6, Blok N28, UTM pada 17 Ogos 2018 anjuran Akademi Tamadun Islam, UTM.
- Mohd Yusof (2020),Prof. Emeritus, Jawapan Bertulis melalui email pengkaji pada 4 Disember 2020
- Mohd Yusof Othman.(2018).Kerangka Tauhid dalam Kesepaduan Pengajian Islam dan Sains. Muzakarah Pakar. Pengajian Islam Integrasi:Ke Arah Penyepaduan Agama Islam dan Sains anjuran IKIM di Dewan Besar IKIM pada 20 Mac 2018.
- Mohd Yusof Othman.(2014a). Pengenalan Sains Tauhidik.Kuala Lumpur:DBP
- Mohd Yusof Othman (2014b). Sains Islam: Mengimbuai Zaman Silam Meneroka Masa Depan. Dlm. Khalijah Mohd Salleh (2014). Pendidikan Sains Berteraskan Tauhid. Bangi: UKM
- Muhammad Widus Sempo.(2019).Tafsir Saintifik al-Quran. Bandar Baru Nilai:USIM
- Norshariani Abd Rahman, Fatin Nur Marhamah Zabidi & Lilia Halim.(2020).Integration of Tauhidic Elements for Environmental Education from the Teachers' Perspectives. *Religions* 2020, 11, 394 : 1-17
- Nur Asyikin Hamdan,Abdul Latif Samian & Nazri Muslim.(2017).Pandangan Khalijah Salleh terhadap Sains Tauhidik ke Arah Membangunkan Tamadun Melayu.*Jurnal Sains Insani* : 0127-7871
- Rosnani Hashim,Mohd Farid Mohd Shahrin, Muhammad Zahiri Awang Mat,Nor Hartini Saari,Adnan Abdul Rashid, Ainol Madziah Zubairi, Cik Wan Roslili Abd Majid, Zambri Abdul Rahim, Afandi Yusoff & Mohamad Azrien Mohamed Adnan.(2018). *Laporan Kajian Keberkesanan Kurikulum Mata Pelajaran Pendidikan Islam bagi Menghadapi Cabaran Masakini*. Kuala Lumpur:IKIM
- Wan Mohd Aimran Wan Mohd Kamil.(2012).Kertas Kerja bersempena Mesyuarat Bengkel Kursus STPD yang berlansung pada 7 Disember 2012 di Bilik Persidangan, Fakulti Sains dan Teknologi, UKM.
- Zainun Mustafa & Nooraida Yakob.(2020).Religiositi bagi Murid Muslim Aliran Sains yang Mengikuti Sains Secara Tauhidik.*Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* : 256-265
- Zainun Mustafa, Nooraida Yakob & Zolkofli Awang.(2019).Ulasan Komprehensif Terhadap Prinsip, Matlamat dan Pelaksanaan Konsep Pendidikan Sains Secara Tauhidik dalam Program Bioda'i. *Jurnal Hadhari* 11(2) (2019): 1995-211

Zainun Mustafa, Nooraida Yakob & Zolkofli Awang.(2015).Model-Model Pendidikan Sains Secara Islamik di Malaysia;Membincangkan Konsep Kurikulum Bersepadu,Model Ulul Albab dan Pendidikan Sains Tauhidik.International Conference on Engineering Technology, Vocational, Education and Social Science 2015 di UPSI Tanjung Malim, pada 1 hingga 2 Disember 2015 anjuran UPSI.